



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

TEKS UCAPAN PELANCARAN

**PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM
(IPIM)**

KERJASAMA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

DENGAN

**JABATAN MUZIUM MALAYSIA,
KUALA LUMPUR**

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Yang dihormati Setiausaha-Setiausaha Bahagian,
Pengarah-Pengarah,
Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian,
Pegawai-pegawai Kementerian,

Dif-dif jemputan,

Guru-guru,

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN OLEH URUS SETIA)

PENDAHULUAN

1. Sidang hadirin yang saya kasihi, bersyukur kita pada tuhan kerana dapat bertemu pada hari ini di Auditorium Muzium Negara, Kuala Lumpur bersempena Majlis Pelancaran Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM). Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat atas daya usaha gigih bagi membudayakan kerjasama di antara dua Kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) khususnya Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dalam merealisasikan Program IPIM.
2. Saya juga merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada urus setia yang diterajui oleh Jabatan Muzium Malaysia, dengan kerjasama beberapa bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia serta pihak lain yang turut terlibat dengan penganjuran Majlis Pelancaran Program IPIM di pagi yang mulia ini.
3. IPIM adalah program pendidikan yang bertindak sebagai satu wadah untuk mengintegrasikan pelajar daripada pelbagai latar sosio budaya melalui konsep silang budaya menggunakan pendekatan gabungan pendidikan formal dan tidak formal. Program ini perlu dilestarikan dengan meletakkan hala tuju perpaduan dan patriotisme sebagai matlamat utama. Melalui penganjuran program kerjasama seperti ini, kita dapat meneruskan tradisi Kementerian untuk menyebarkan maklumat dan berkongsi pelbagai usaha dalam memartabatkan pendidikan negara.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Program IPIM ini dapat menzahirkan aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, identiti nasional, kemahiran dwibahasa serta etika dan kerohanian seperti dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025. Program ini menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke arah melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pelibatan murid dan guru dalam program ini dapat meningkatkan minat mereka khususnya kepada mata pelajaran Sejarah kerana PdP lebih menarik melalui pengalaman secara langsung dan cuba buat (*hands on*) terhadap bahan sejarah melalui koleksi yang nyata dan sahih.

5. Program IPIM merupakan satu program pembangunan sahsiah murid dan guru di sekolah yang menggalakkan setiap murid dari Tahap 2, Tahun 4 di sekolah rendah dan di sekolah menengah dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5 melawat sekurang-kurangnya sebuah muzium dalam tempoh satu tahap persekolahan. Ini secara langsung dapat mengaktifkan Program Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2004. Selain itu, program ini juga menggalakkan siswa pendidik menjadikan sekurang-kurangnya satu muzium sebagai pusat kajian lapangan.

6. Penggunaan muzium sebagai salah satu kaedah pembelajaran secara tidak langsung dapat mengatasi masalah kebergantungan kepada modul buku dan masalah kebosanan kerana muzium dapat memberikan pengalaman baharu melalui himpunan koleksi yang menarik dan unik.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Selain itu, pihak JMM juga telah menghasilkan satu modul pemuziuman yang dapat menerapkan kaedah pendidikan secara didik hibur dan secara tidak langsung memberikan kelainan untuk memupuk minat murid terhadap sejarah negara. Pelbagai aktiviti juga dapat dikendalikan dan ini akan membuka ruang kreativiti murid dan guru. Modul yang disediakan ini boleh dijadikan panduan kepada semua institusi muzium bagi melaksanakan aktiviti bersama-sama murid dan guru. Menerusi projek rintis Modul IPIM yang dilaksanakan bermula pada 5 hingga 30 Mei 2015, melibatkan lima sekolah rendah, lima sekolah rendah dan satu Institut Pendidikan Guru, telah berjaya meningkatkan minat murid, siswa pendidik, guru dan pensyarah terhadap mata pelajaran Sejarah. Muzium telah memberikan pengalaman baharu dalam PdP dan menjadi sebagai satu tempat rujukan untuk mata pelajaran Sejarah. Program ini amat bermanfaat dan perlu diteruskan.

8. Program IPIM ini merupakan kerjasama antara KPM dengan JMM mengaplikasikan konsep kerjasama strategik antara dua kementerian. Hasrat KPM dan JMM adalah untuk memperkasakan mata pelajaran Sejarah dengan melibatkan peranan muzium sebagai pusat rujukan utama bagi pelajar mengenal pasti sumber sejarah dan bahan yang berkaitan dengan sejarah negara. Pelajar diberi pengalaman pembelajaran secara interaktif di institusi muzium. Selain itu, mata pelajaran Sejarah telah diperkenalkan di peringkat sekolah rendah mulai 2014 pada Tahap II.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Mata pelajaran Sejarah dilihat sebagai pemacu ke arah persefahaman dan penerimaan terhadap teras kenegaraan. Mata

pelajaran ini penting bagi melahirkan dan membentuk jati diri rakyat yang patriotik, taat setia dan cinta akan negara. Pelaksanaan Program IPIM juga dapat menyokong dasar Wajib Lulus Sejarah dalam SPM bermula tahun 2013. Perkara ini direalisasikan dalam buku teks mata pelajaran Sejarah Tingkatan Satu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang diterbitkan pada tahun 2016. Di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG) pula, telah dimasukkan dalam Rancangan Maklumat Kursus Semester Keempat di bawah Kaedah Pengajaran Sejarah.

10. Pada hemat saya, IPIM adalah landasan terbaik kepada masyarakat untuk mengenal dengan lebih lanjut perkembangan sejarah negara bermula pada peringkat Tahap 2 sekolah rendah hingga Tingkatan 6 di peringkat menengah. Program ini juga tidak habis di situ malah dilanjutkan ke peringkat pengajian tinggi. Dengan adanya program ini, diharapkan minat kepada pendidikan sejarah dapat dipertingkatkan lagi. Ibu bapa juga perlu memainkan peranan untuk turut bersama-sama berkunjung ke muzium dengan anak-anak untuk menyokong dan menjayakan program ini.

11. Saya yakin pihak pengurusan JMM dan KPM begitu komited bekerjasama untuk memberi impak yang tinggi dalam menghargai sejarah serta menghargai peranan yang telah dimainkan oleh muzium dalam menyediakan ruang dan peluang menggunakan konsep "*seeing is believing*" terhadap bahan sejarah.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya menyeru kepada semua yang hadir pada hari ini agar dapat sama-sama untuk menghebahkan serta berkongsi idea untuk menjayakan program IPIM. Moga ia memberi manfaat kepada pelajar, guru serta masyarakat dalam mengetahui tentang sejarah kita dan diperluaskan dalam mata pelajaran lain.

13. Akhir kata, sekali lagi ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga kerja yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini khususnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Bahagian-bahagian KPM, dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas komitmen yang tinggi untuk menjayakan majlis pelancaran pada pagi ini.

Sekian, Terima kasih.

YB Puan Teo Nie Ching

Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia

3 April 2019